

INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)www.ijmoe.comSTRATEGI PERANCANGAN KEUSAHAWANAN DALAM
KARYA TERPILIH SHAHNON AHMAD*ENTREPRENEURSHIP PLANNING STRATEGIES SELECTED WORKS IN
SHAHNON AHMAD*Azhar Hj Wahid^{1*}, Rudy Kurniawan Usman²¹ Faculty of Management and Economics, Sultan Idris Education University, MalaysiaEmail: azhar@fbk.upsi.edu.my² Faculty of Languages and Communication, Sultan Idris Education University, MalaysiaEmail: rudykurniawan2375@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.07.2025

Revised date: 21.08.2025

Accepted date: 15.09.2025

Published date: 13.10.2025

To cite this document:

Hj Wahid, A., & Usman, R. K. (2025). Strategi Perancangan Keusahawanan Dalam Karya Terpilih Shahnon Ahmad. *International Journal of Modern Education*, 7 (27), 455-472.

DOI: 10.35631/IJMOE.727028

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

Abstrak:

Keupayaan pengurusan perancangan dalam memimpin organisasi telah diterima sebagai faktor penting yang menentukan kejayaan atau kegagalan sesebuah organisasi. Malah, perancangan merupakan keperluan asas dalam membina kekuatan organisasi, terutamanya dalam merancang hala tuju untuk mencapai matlamat bersama secara cemerlang. Kajian ini meneliti bentuk atau dasar pengurusan perancangan dalam kalangan usahawan masyarakat tani serta penduduk kampung seperti yang digambarkan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) dan *Srengenge*. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti sikap pengurusan perancangan dalam kalangan masyarakat tani dan penduduk kampung yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut. Penelitian dilakukan melalui analisis elemen pengurusan perancangan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) dan *Srengenge*, yang dikaitkan dengan aktiviti keusahawanan tani dalam masyarakat Melayu serta kehidupan penduduk kampung yang dibelenggu kemiskinan dan kejahilan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa elemen dasar dan sifat kepimpinan yang terbentuk dalam diri pemimpin masyarakat, yang menunjukkan keupayaan tersendiri dalam usaha menjayakan keusahawanan tani masyarakat Melayu tradisional dan meningkatkan taraf hidup penduduk kampung. Implikasinya, pengurusan kepimpinan Melayu, khususnya berkaitan dengan keusahawanan yang ditonjolkan oleh pengarang dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) dan *Srengenge*, lebih bersifat kritikal dan seharusnya dapat mencerminkan corak kepimpinan yang relevan untuk pemimpin pada masa kini.

Kata Kunci:

Pengurusan, Kepimpinan, Keusahawanan, Kemiskinan, Organisasi

Abstract:

The ability of planning management in leading an organization has been accepted as an important factor that determines the success or failure of an organization. In fact, planning is a basic requirement in building organizational strength, especially in planning the direction to achieve common goals with excellence. This study examines the form or policy of planning management among farmers and villagers as depicted in the novels *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) and *Srengenge*. In addition, this study also identifies the attitude of planning management among farmers and villagers found in both novels. The research was conducted through an analysis of planning management elements in *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) and *Srengenge*, which are associated with agricultural entrepreneurial activities in the Malay community and the lives of villagers who are plagued by poverty and ignorance. The study findings show that there are several basic elements and leadership qualities that are formed in community leaders, which show their own ability in efforts to make traditional Malay agricultural entrepreneurship a success and improve the living standards of villagers. The implication is that Malay leadership management, especially in relation to entrepreneurship highlighted by the author in *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) and *Srengenge*, is more critical and should be able to reflect leadership patterns that are relevant for leaders today.

Keywords:

Management, Leadership, Entrepreneurship, Poverty, Organization

Pengenalan


Kepengarangan Shahnnon Ahmad melalui novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) (1968) mengetengahkan keperitan hidup masyarakat desa yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tanaman padi untuk menyara kehidupan serba kekurangan, ibarat 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang', di Kampung Banggul Derdap, Sik. Novel ini, yang kental dan sarat dengan gambaran kemiskinan penduduk kampung, secara keseluruhan melakar keperitan dan kesengsaraan hidup Lahuma sebagai ketua keluarga. Beliau bersusah payah membanting tulang sebagai petani tanpa bantuan teknologi. Malah, Lahuma berjuang untuk mempertahankan sesuap nasi bagi dirinya dan keluarga di tengah bencana alam dan serangan binatang.

Tenaga kerja Lahuma yang gigih menebas semak sehinggalah menuai padi untuk dijadikan beras menjadi fokus utama pengarang dalam mengetengahkan wataknya, sambil memaparkan persoalan kehidupan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Meskipun bergantung kepada usaha kerasnya sendiri, Lahuma tetap tabah mengharungi serangan binatang seperti burung tiak, ketam, ular tedung, dan babi hutan, serta bencana alam seperti kemarau, banjir, dan pelbagai penyakit. Cabaran ini turut mencerminkan belenggu kemiskinan dan kejahilan pemikiran penduduk kampung, yang juga digambarkan dalam novel *Srengenge* (1973).

Novel Srengenge, yang mengetengahkan perkataan Jawa Kuno bermaksud 'Filed: 'matahari', merujuk kepada kewujudan Bukit Srengenge yang menjadi persoalan utama dalam kandungan novel ini. Kekuatan watak Awang Cik Teh berkisar pada ketabahan seseorang dalam menjalani kehidupan yang dibelenggu kemiskinan dan kejahilan penduduk kampung yang mempercayai kepercayaan karut. Watak Lahuma dalam Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ) bergelut dengan kemelut kehidupan bersawah tanpa teknologi, manakala kegigihan Awang Cik Teh dalam Srengenge membawa kekuatan watak ini untuk memugar Bukit Srengenge menjadi tapak mencari rezeki. Penonjolan utama watak ini menyerlahkan pemikiran positif melalui sumbangan idea dan tenaganya untuk mencapai hasrat peribadi serta memperjuangkan kepentingan hidup masyarakat mundur yang tinggal berhampiran bukit tersebut.

Peringkat Perancangan Dalam Pendekatan Pengurusan

Mohamad Mokhtar Abu Hassan telah menggariskan enam peringkat perancangan yang menjadi pengukur dalam mencapai matlamat sesebuah organisasi. Melalui pelaksanaan perancangan strategik, organisasi dapat menjadikan strategi sebagai sasaran utama untuk kejayaan. Pengaplikasian prinsip ini menjadi penanda aras dalam memupuk proses pengamatan, kreativiti, dan imaginasi seseorang untuk menjayakan objektif organisasi. Perancangan strategik yang sempurna perlu disokong oleh pelaksanaan bijak untuk mencapai kejayaan yang dituju. Sebagai susulan, Mohamad Mokhtar Abu Hassan memperkenalkan enam Prinsip Perancangan sebagai panduan untuk memastikan keberkesanan proses perancangan.



Rajah 1. Prinsip Perancangan dalam Pendekatan Pengurusan

Perbezaan Strategi Pemikiran Watak Utama Lahuma Dalam Ranjau Sepanjang Jalan (Rsj) Dan Watak Awang Cik Teh Dalam Srengenge

Belenggu kemiskinan masyarakat petani kampung dalam Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ) melalui watak Lahuma dan Srengenge melalui watak Awang Cik Teh membuka ruang pemikiran kedua-dua watak ini untuk merancang strategi bagi memajukan ekonomi keluarga dan masyarakat sekitar. Lahuma, melalui kesedaran ekonominya, menyedari kelemahan masyarakat Melayu yang sering gagal bersaing dengan masyarakat Cina. Tanah pusaka bapanya, seluas enam relung, tergadai akibat digadaikan kepada tauke Cina. Hal ini dapat dilihat melalui penceritaan berikut:

Jadual 1. Penceritaan Persaingan Ekonomi Masyarakat Melayu dengan Masyarakat Cina dalam RSJ

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Tiba-tiba matanya tertumpu ke arah sawah yang terbentang luas di hadapannya. Dulu bapanya mempunyai 20 relung bendang. Enam relung terlepas ke tangan tauke Cina kerana jual janji. Tinggal 14 relung.	RSJb 9-11 hlm 2
	Lambat laun anak-anak mereka akan berkahwin juga. Kalau tidak sempat masa hidup, masa mereka mati nanti cicit-cicit itu akan melihat dunia juga. Sanah akan berumah tangga dan akan mempunyai anak, bercucu dan bercicit lagi. Mulut untuk menerima makanan semakin banyak jumlahnya sedangkan tanah pusaka nenek moyang seinci pun tak pernah bertambah. Tanah bermula dengan 20 relung. Enam relung lari ke tangan tauke Cina. 14 relung lagi menjadi nafkah anak, cucu dan cicitnya.	RSJb 8-14 hlm 3

Melalui penceritaan ini, tanah bendang yang dapat diusahakan hanya tinggal 14 relung, yang kemudiannya akan dibahagikan dua relung seorang kepada tujuh orang anak Lahuma. Itulah satu-satunya harta yang dimilikinya untuk diwariskan kepada anak-anaknya. Tanpa bantuan alat teknologi seperti traktor akibat kemiskinan material, Lahuma meneruskan tradisi keluarganya dengan mengerahkan tenaga fizikalnya untuk mengusahakan 14 relung tanah yang tinggal, sebagai anak tunggal, dengan bantuan isterinya, Jeha, serta anak-anaknya, Sanah dan Milah.

Perjuangan Lahuma tidak pernah terhenti dalam menghadapi cabaran dan keperitan hidup sebagai petani. Berdepan dengan bencana alam dan kekurangan kewangan untuk menyewa traktor daripada Tok Penghulu, Lahuma mengatur strategi untuk memastikan anak-anak, isteri, dan keluarganya tidak kelaparan. Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (RSJ) menonjolkan pemikiran Lahuma dalam memperjuangkan ekonomi keluarganya, memastikan padi yang diusahakan menjadi beras dan nasi untuk menyara anak-anaknya hingga ke generasi cucu-cicit.

Jadual 2. Perancangan Lahuma Untuk Menjana Ekonomi Keluarga

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Esok kita nak ke belukar mencuci tanah	RSJb 29-30 hlm 3
Jeha	Benih?	RSJb 32 hlm 3
Lahuma	Tebas tanah dulu. Kemudian cari benih. Benih bercambah-cambah di kedai Cina tu	RSJb 33 hlm 3
Jeha	Benih apa? Benih padi usang? Benih padi serindit? Jangan-jangan nak tanam padi Serindit juga tahun ini. Tangkainya liat. Buahnya jarang-jarang. Saya yang teruk bila-bila musim mengetam nanti. Musim sudah habis. Luka-luka tangan saya ni bang.	RSJb 34-35 hlm 3-4
Lahuma	Tetapi nasinya sedap. Buahnya wangi macam padi huma	RSJb 1 hlm 4

Strategi pemikiran ekonomi watak Lahuma dalam Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ) dan watak utama Awang Cik Teh dalam Srengenge dipaparkan dengan jelas dalam jadual berikut. Lahuma memfokuskan pemikirannya kepada penjaan ekonomi keluarga melalui pengusahaan tanah sawah seluas 14 relung, manakala Awang Cik Teh menumpukan usaha untuk memajukan ekonomi penduduk setempat dengan menarah Bukit Srengenge untuk bercucuk tanam.

Jadual 3. Perbezaan Pemikiran Lahuma Dan Awang Che Teh Dalam Menjana Ekonomi

<i>Ranjau Sepanjang Jalan</i>			<i>Srengenge</i>		
Watak	Pemikiran		Watak	Pemikiran	
Lahuma	Tujuan	Menjana ekonomi keluarga	Awang Cik Teh	Tujuan	Menjana ekonomi masyarakat kampung
	Jenis tanaman	Padi		Jenis tanaman	Padi huma, pisang, jagung, peria, ubi

Watak Awang Cik Teh memperjuangkan pendiriannya untuk menarah Bukit Srengenge bersama pakatan penduduk kampung bagi memajukan ekonomi melalui penanaman padi huma, pisang, jagung, peria, dan ubi.

Jadual 4. Perbualan Awang Cik Teh Dan Isteri Tentang Niat Menarah Bukit

Watak	Petikan Dialog	Kod
Awang Cik Teh	Rimba itu mesti dijadikan huma	Sb 6 hlm 3
Keghesum	Sape nak terbang?Awak?	Sb 7 hlm 3

Meskipun mendapat tentangan daripada isterinya, Keghesum, Awang Cik Teh meneruskan niat murninya dengan menyatakan hasratnya kepada Imam Hamad, berharap perancangannya diterima melalui mesyuarat bersama penduduk kampung.

Jadual 5. Perancangan Awang Cik Teh Dalam Memajukan Ekonomi Masyarakat Kampung

Watak	Petikan Dialog	Kod
Awang Cik Teh	Aku tak mengata sapa nak terbang, sapa nak tebas, sapa nak bakar, sapa nak tajuk, sapa nak itu sapa nak ini. Aku kata rimba ini mesti dibuat huma.	Sb22-25hlm4
Keghesum	Sapa nak buat? Awak dah tua. Aku dah tua. Awak cakap tonggeng buyung	Sb26-27hlm4
Awang Cik Teh	Orang-orang kampung	Sb 28 hlm 4
Awang Cik Teh	Nak pugar Srengenge. Nak buka tanah rimba. Nak buat huma. Nak tanam padi, pisang, jagung, peria, ubi	Sb 5-7 hlm 52

Latar desa penduduk kampung Kaki Bukit Srengenge mendorong Awang Cik Teh memperjuangkan pemikirannya untuk memajukan kehidupan masyarakat kampung tersebut. Semangat juang Awang Cik Teh tidak dapat dipatahkan walaupun menghadapi bantahan daripada isterinya, Keghesum. Berbekalkan ketabahan hati, Awang Cik Teh meneruskan niatnya untuk memugar Bukit Srengenge dengan membawa hasratnya kepada Imam Hamad,

berharap Imam akan bersetuju dan menyampaikan niat tersebut melalui mesyuarat untuk mendapat kesepakatan masyarakat kampung.

Jadual 6. Bangkangan Keghesum Isteri Awang Cik Teh

Watak	Petikan Dialog	Kod
Keghesum	Awak dah lupa waktu buat Syarikat Mati dulu? Maju sekerat kemudian mati. Awak dah lupa Syarikat baja dulu. Maju juga tiga empat bulan, kemudian baja entah ke mana, kita entah ke mana	Sb 13-17 hlm 5
	Awak dah lupa? Tentang nak menuba ikan di lahar dulu pun awak dituduh makan duit juga. Awak tak ingat? Sekarang nak ajak lagi muafakat buat huma konon. Awak ingat tebas terbang Srengenge itu macam gobek pinang ini? Gedebuk-gedebak tumbuk canggung-cunggit, lumat, ambil telan masuk perut.	Sb 26-32 hlm 5-6
	Awak ingat buat huma itu senang macam buat bendang baruh? Kena pakat. Kena halau penunggu rimbat empat penjuru. Kena tebas dulu. Kena terbang. Terbang pula ada yang kena pakai sigai. Kena Tarik rotan songsang. Kena bakar. Kena berunggun. Kena tajuk. Kena tunggu. Awak fikir senang?	Sb 15-21 hlm 7

Keghesum, isteri Awang Cik Teh, bukan sahaja membantah niat suaminya untuk memugar Bukit Srengenge, malah mengingatkan kembali Awang Cik Teh tentang perjuangan-perjuangan terdahulunya. Segala usaha yang dilakukan oleh Awang Cik Teh pernah mencapai kejayaan, tetapi hanya separuh jalan, bahkan dia pernah dimaki hamun teruk oleh penduduk kampung. Keghesum mendapati suaminya mempunyai sifat degil dan tidak mahu mendengar nasihat. Bagi Keghesum, suaminya akan terus berkeras untuk memugar bukit tersebut walaupun telah dinasihati berkali-kali.

Jadual 7. Imbas Kembali Keghesum Kepada Awang Che Teh

Watak	Petikan Dialog	Kod
Keghesum	Awak tak serik-serik juga sesudah kena maki Diah. Sesudah kena maki Siddik. Seluruh anak buah kaki Srengenge ini dengar, seluruhnya.	Sb 1-3 hlm 8

Walaupun perjuangan Awang Cik Teh untuk memajukan ekonomi penduduk kampung sering dimaki hamun oleh penduduk, dia tetap teguh dengan pendiriannya untuk menarah Bukit Srengenge, yang sentiasa menghantui pemikirannya. Awang Cik Teh bertekad menemui Imam Hamad untuk mendapatkan persetujuan dan sokongan penduduk kampung. Malah, dia percaya kedua-dua anaknya juga akan menyokong niatnya untuk menjana ekonomi masyarakat di Kaki Bukit Srengenge.

Jadual 8. Pendirian Tetap Awang Cik Teh

Watak	Petikan Dialog	Kod
Awang Cik Teh	Esok Imam Hamad wajib diberitahu. Tengok apa dia nak kata.	Sb 28-29 hlm 14
Keghesum	Kalau Hamad tak setuju	Sb 30 hlm 14
Awang Cik Teh	Dengar dulu mengapa dia tak setuju	Sb 1 hlm 15
Keghesum	Kalau Diah berkeras lengan?	Sb 2 hlm 15
	Kalau Siddik pun berdegil	Sb 4 hlm 15
	Kalau Kadir dan Musa membantah?	Sb 19 hlm 15
Awang Cik Teh	Mereka tidak akan membantah. Kalau mereka membantah, itu bukan kerana tak benar memugar Srengenge. Mereka Cuma bimbang pada aku yang tua. Itu memang tugas mereka sebagai anak. Tapi tua bukan beerti berhenti kerja. Mereka tidak akan membantah seperti orang lain membantah.	Sb 16-22 hlm 15
Keghesum	Tapi kalau mereka tegah?	Sb 1 hlm 16
Awang Cik Teh	Mereka tak tegah	Sb 2 hlm 16
Keghesum	Mana tahu?	Sb 3 hlm 16
Awang Cik Teh	Kerana mereka anak aku, aku tahu	Sb 4 hlm 16
Keghesum	Kalau bantah juga?	Sb 5 hlm 16
Awang Cik Teh	Mereka bukan anak aku kalau mereka bantah macam orang lain bantah. Kedua-dua mereka jadi halangan biasa dalam hidup juga. Dan halangan walau macamana sekalipun, mesti dipatahkan	Sb 6-10 hlm 16

Berdasarkan dialog yang dipaparkan, Awang Cik Teh berpandangan bahawa Bukit Srengenge perlu ditebang, dibakar, dan ditajuk untuk dijadikan huma yang dapat menjana pendapatan bagi seluruh penduduk kampung yang bergelut dengan kemiskinan. Perancangan Awang Cik Teh untuk menarah bukit tersebut bertujuan membolehkan penduduk kampung memulakan aktiviti bercucuk tanam, seterusnya meningkatkan ekonomi keluarga yang serba kekurangan.

Strategi Perancangan Keusahawanan Watak Utama Lahuma Dalam Ranjau Sepanjang Jalan Dalam Menjana Ekonomi Keluarga

Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* menggambarkan watak Lahuma yang merincikan perancangan keusahawanannya untuk memajukan ekonomi keluarganya. Melalui perbincangan dengan isterinya, Jeha, Lahuma menggunakan tenaga fizikalnya dan keluarganya untuk mengusahakan 14 relung tanah sawah pusaka bapanya. Walaupun berhadapan dengan kemelut kemiskinan material, bencana alam, dan serangan binatang, Lahuma mengatur perancangannya dengan menjadikan padi Malinja sebagai sumber pendapatan utama.


Pada awal perbincangan, seperti tahun-tahun sebelumnya, mereka menanam padi Serindit kerana nasinya sedap dan beraroma wangi seperti padi huma. Namun, Jeha menegah kerana tangkainya yang liat dan buahnya yang jarang menyebabkan tapak tangannya luka ketika musim menuai. Akhirnya, hasil perbincangan lanjut dengan Jeha, Lahuma memutuskan untuk membahagikan 14 relung tanah sawahnya kepada beberapa bahagian: tujuh relung ditanam padi Malinja, tiga relung ditanam padi Siam, tiga relung ditanam padi Serindit, dan satu relung ditanam padi pulut supaya anak-anaknya kenyang ketika ke sekolah.

Jadual 9. Perbincangan Lahuma Dan Jeha

Watak	Petikan Dialog	Kod
Jeha	Nak tanam Malinja kesemua 14 relung tu?	<i>RSJb</i> 31 hlm 7
Lahuma	Kita campur-campur, apa nak digaduhkan?Tujuh Malinja. Tiga Siam.Tiga Serindit dan serelung lagi tu kita tanam pulut saja. Budak-budak kita ni suka sangat makan pulut waktu pagi sebelum pergi sekolah. Makan pulut ni kenyang lama.	<i>RSJb</i> 1-3 hlm 8

Aliran perancangan Lahuma dalam memajukan ekonomi keluarganya digambarkan dalam rajah carta alir yang dipaparkan. Melalui carta alir ini, Lahuma menunjukkan perancangan keusahawanan yang rinci dalam mengusahakan tanah sawah pusaka ayahnya untuk menjana pendapatan lumayan bagi keluarganya yang hidup dalam keadaan ‘kais pagi makan pagi, kais petang makan petang’. Walau bagaimanapun, tanaman yang diusahakan berhadapan dengan kemelut bencana alam seperti banjir besar dan kemarau panjang, serta serangan binatang yang tidak menentu seperti ketam, tikus, babi, ular, dan burung tiak. Bagi menjamin kelangsungan ekonomi keluarganya, kepengarangan Shahnnon Ahmad melalui watak Lahuma memperlihatkan pelaksanaan perancangan keusahawanan desa yang berjaya memastikan keluarga mendapat sesuap nasi.

Aliran Perancangan *Lahuma dalam RSJ* [Peringkat Perancangan]



Perancangan keusahawanan Lahuma bertumpu pada penetapan objektif melalui pemilihan benih padi untuk disemai. Lahuma memilih padi Malinja sebagai strategi utama kerana padinya yang montok dan gemuk, menjadikannya pilihan popular di kalangan penduduk kampung. Sebelum ini, Lahuma pernah menanam padi Serindit yang sedap dan wangi, tetapi tangkainya yang liat dan buahnya yang jarang merugikan keluarga serta mendapat rungutan daripada isterinya, Jena.

Jadual 10. Pemilihan Benih Padi Dalam Perancangan Membentuk Strategi

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Kita cuba padi Malinja pula tahun ini	RSJb 22 hlm 7
	Banyak orang di kampung ini nak tanam padi Malinja. Kata mereka, buahnya montok-montok dan gemok-gemok.	RSJb 27-28 hlm 7

Lahuma menolak untuk menanam padi Usang dan padi Serindit dengan memilih alternatif lain mengambil kira rungutan Jeha terhadap penggunaan benih yang sama seperti tahun sebelumnya. Pada tahun sebelumnya, mereka mengusahakan benih padi Serindit yang mempunyai tangkai liat dan buah jarang, menyebabkan tangan Jeha luka semasa menuai padi.

Jadual 11. Rungutan Jeha Isteri Lahuma

Watak	Petikan Dialog	Kod
Jeha	Benih apa? Benih padi usang? Benih padi Serindit? Jangan-jangan nak tanam padi Serindit juga tahun ini. Tangkainya liat. Buahnya jarang-jarang. Saya yang teruk bila musim mengetam nanti. Musim sudah habis, luka luka tapak tangan saya ni bang	RSJb 32-34 hlm 3-4
Lahuma	Tetapi nasinya sedap. Buahnya wangi macam padi huma	RSJb 1 hlm 4
Jeha	Awak tak kira lain dalam dunia ni. Sekejap-sekejap sedap. Sekejap-sekejap wangi	RSJb 4 hlm 4

Setelah menetapkan pilihan untuk menanam padi Malinja dengan persetujuan isterinya, Jeha, Lahuma menilai langkah-langkah alternatif selain menanam padi Malinja. Dengan adanya 14 relung tanah sawah pusaka, Lahuma membahagikannya kepada empat bahagian: tujuh relung ditanam padi Malinja, tiga relung ditanam padi Siam, tiga relung ditanam padi Serindit, dan satu relung ditanam padi pulut. Terkesan dengan kemiskinan material, Lahuma memilih untuk bergantung pada tenaga fizikalnya dan Jeha kerana kos sewa traktor Tok Penghulu yang mahal.

Jadual 12. Penyewaan Traktor

Watak	Petikan Dialog	Kod
Lahuma	Pada mulanya dia hendak menggunakan traktor tetapi apabila memikirkan serelung sudah menelan belanja lapan ringgit, dipendamkan saja hasrat itu. Itu baru upah melanyak tanah yang pertama. Masuk yang kedua akan bertambah lagi ringgitnya.	RSJb 19-21 hlm 33

Lahuma melupakan hasratnya untuk menyewa traktor dan, dengan bantuan isterinya, Jeha, memilih untuk menajak menggunakan tenaga fizikal mereka sendiri. Namun, perancangannya terbantut apabila Jeha diserang geruh ular tedung semasa memetik pucuk paku di sawah. Akibatnya, tubuh Jeha menjadi lemah, menyebabkan dia tidak mampu membantu Lahuma di sawah. Lahuma mengkaji semula perancangannya untuk mengusahakan tanah sawah tersebut secara sendirian, tetapi akhirnya memutuskan untuk membawa anak-anaknya, Sanah dan Milah, untuk membantu di sawah sebagai pengganti Jeha.

Strategi Perancangan Keusahawanan Watak Utama Awang Cik Teh Dalam Srengenge Dalam Menjana Ekonomi Penduduk Kampung

Strategi perancangan ini beralih kepada strategi perancangan watak Awang Cik Teh dalam Srengenge. Perbezaan antara perancangan Awang Cik Teh dan Lahuma terletak pada tujuan perancangan tersebut. Awang Cik Teh mengatur perancangan keusahawannya untuk memajukan ekonomi penduduk kampung, manakala Lahuma memfokuskan usahanya kepada penjaan ekonomi keluarganya sahaja. Awang Cik Teh bergelut dengan kehendak peribadi serta bantahan daripada isterinya dan masyarakat kampung yang terbelenggu oleh kejahilan dan mempercayai kepercayaan karut.

Jadual 13. Perbualan Bangkangan Imam Hamad Bersama Diah

Watak	Petikan Dialog	Kod
Diah	“Dia bukan nak buat huma kerana nak buat huma. Dia benci tengok kita meracik. Dia benci tengok Jebat awak selalu tewas tekukur jalang. Tengok Didik aku selalu jadi juara”.	Sb 3-6 hlm 64
Imam Hamad	D mana kita nak meracik kalau Srengenge dah tumbang? Aku pun kata gitulah.	Sb 13-15 hlm 64
Diah	Orang tua tu memang haloba	Sb 21 hlm 64

Watak Awang Cik Teh menetapkan objektif untuk menarah Bukit Srengenge demi menjana pendapatan penduduk kampung melalui penanaman padi huma, pisang, jagung, peria, dan ubi. Namun, setelah berbincang dengan isterinya, Keghesum, Awang Cik Teh mendapati isterinya menentang keras usahanya itu dengan beberapa alasan.


Jadual 14. Perbualan Bangkangan Keghesum Isteri Awang Cik Teh

Watak	Petikan Dialog	Kod
Kenghesum	Awak cuma pandai buat. Buat itu. Buat ini. Buat rumah. Buat bendang. Buat dusun. ini huma pula nak buat	Sb 9-11 hlm 18
Awang Cik Teh	Yang aku nak buat, semuanya jadi. Nak buat rumah, rumah jadi. Nak buat dusun, dusun jadi. Nak buat Syarikat Mati, Syarikat Mati jadi. Nak buat Syarikat Baja, Syarikat Baja jadi. Dan apabila aku nak buat huma menutuh Srengenge akan ku tutup.	Sb 13-18 hlm 18

Perjuangan keusahawanan Awang Cik Teh dijelaskan dengan jelas melalui carta alir yang dipaparkan. Carta alir tersebut memaparkan perancangan Awang Cik Teh untuk meratakan Bukit Srengenge bagi dijadikan tapak penanaman padi huma, pisang, jagung, peria, dan ubi.

Aliran Perancangan *Awang Cik Teh* dalam *Srengenge*

7 (October 2025) PP. 455-472
OI: 10.35631/IJMOE.727028



Perancangan Awang Cik Teh bermula dengan menetapkan objektif, iaitu menentukan tujuan untuk menarah Bukit Srengenge. Seterusnya, beliau merancang strategi untuk mencapai objektif tersebut dengan mendapatkan pakatan penduduk kampung. Untuk membentuk strategi, Awang Cik Teh memilih alternatif dengan berjumpa Imam Hamad, diikuti dengan penilaian pilihan tersebut melalui persetujuan Imam Hamad.

Awang Cik Teh telah banyak mengusahakan pelbagai inisiatif yang berjaya, walaupun tidak berpanjangan, seperti menubuhkan Syarikat Mati, Syarikat Baja, dan mengusahakan dusun. Kejayaan usaha-usaha ini meningkatkan keyakinannya untuk meratakan Bukit Srengenge bagi tujuan penanaman huma. Melalui pilihan alternatif yang ada, Awang Cik Teh memutuskan untuk berbincang dengan Imam Hamad. Kejayaan usahanya untuk menarah Bukit Srengenge bergantung pada persetujuan Imam Hamad melalui penilaian langkah alternatif yang telah dirancang.

Sekiranya kata sepakat tercapai, Awang Cik Teh akan memilih kaedah bekerjasama dengan penduduk kampung untuk meratakan Bukit Srengenge, yang sering menjadi tumpuan pemikirannya. Bagi Awang Cik Teh, bukit itu kaya dengan potensi hasil yang boleh dimajukan oleh penduduk kampung. Walaupun menghadapi bantahan keras daripada isterinya, Awang Cik Teh tetap bertegas untuk mendapatkan kata sepakat penduduk kampung melalui perbincangan dengan Imam Hamad, yang memanfaatkan bukit tersebut untuk aktiviti meracik burung. Awang Cik Teh menaruh harapan tinggi kepada Imam Hamad untuk memanjangkan perancangannya dalam mesyuarat bersama penduduk kampung Bukit Srengenge.

Namun, melalui pakatan dengan Imam Hamad dan penduduk kampung, perancangan Awang Cik Teh untuk meratakan Bukit Srengenge mendapat tentangan keras daripada Imam Hamad. Carta alir yang dipaparkan menunjukkan kegagalan dalam peringkat perancangan Awang Cik Teh. Imam Hamad mengemukakan pelbagai alasan menentang perancangan ekonomi ini. Pada mulanya, beliau berpendapat Awang Cik Teh hanya ingin merosakkan tempat kegemarannya bersama Diah untuk meracik burung, tetapi beliau turut menyatakan pelbagai alasan lain.

Jadual 15. Bangkangan Imam Hamad

Watak	Petikan Dialog	Kod
Imam Hamad	Payah pak su, balasnya lembut	Sb 18 hlm 54
Hajah Munah	Nak payah apa?	Sb 22 hlm 54
	Yang awak tahu Cuma racik itu saja. Racik. Burung. Colok. Racik. Burung. Colok. Dah berap tahun hidup, yang rasa Cuma beras baruh. Nak kata nak tambah, haram.	Sb 5-8 hlm 55
Imam Hamad	Payah, Pak Su	Sb 12 hlm 55
Awang Cik Teh	Payah memang payah. Saya pun tak kata tak payah	Sb 13-14 hlm 55
Imam Hamad	Susah Pak Su. Srengenge payah ditutuh, menebang lagi, mencantas lagi, menetak, menghimpun banir-banir, membakar. Kemudian nak merunggun lagi. Sudah merunggun kena menajuk pula. Itu padi saja; tak termasuk timun, jagung dan lain-lain. Berapa bulan pula nak	Sb 15-22 hlm 56

	tumbuh. Lagipun, kita kena tunggu hingga padi berdukung. Waktu padi duduk pun kena jaga juga.	
	Musim padi mengandung lagi, kemudian perut gedang, tinjau-meninjau. Kemudian mengapur, tunduk kakak, layu-layuan, kuning. Kemudian panggang peringgi, peramping, ranap. Dan, apabila sampai ke peringkat berdukung, urat pinggang kita pun bengkok sebesar tumang kerbau.	Sb 27-33 hlm 56-57
	Itu belum masuk kira bicara awal lagi. Srengenge itu hak punya raja. Berulang-alik ke pejabat tanah, raja tanah sekarang pun, khabarnya, menyalak bukan main kuat kepada orang kampung minta sesuatu. Nak bayar duit hasil tanah pun kadang-kadang kena tunggu sampai sehari dua, inikan pula minta pugar rimba Srengenge. Tak mustahilkah, Pak Su?	Sb 6-13 hlm 57
Awang Cik Teh	Imam fikir-fikir dululah. Minggu depan saya datang lagi	Sb 23-24 hlm 57

Terkesan dengan tentangan Imam Hamad, Awang Cik Teh memutuskan untuk mengkaji semula perancangannya dan bertekad mengadakan mesyuarat bersama penduduk kampung. Walau bagaimanapun, perancangannya tetap gagal kerana kepercayaan karut penduduk kampung yang membelenggu kehidupan harian mereka.

Jadual 16. Bangkangan Imam Hamad

Watak	Petikan Dialog	Kod
Awang Cik Teh	Srengenge habuannya Cuma kapak dan api. Merbaunya, merantinya, pinang baiknya mesti ditutuh. Bukan berjamu ayam panggang lima enam ekor. Bukan menyembah. Srengenge bukan Tuhan. Srengenge hanya bukit.	Sb 20-24 hlm 296
	Jadilah apa nak jadi.	Sb 25 hlm 296
	Tetapi, biarkan. Memang dia hendak pugar Srengenge. Tidak boleh muafakat seluruh kamoung, dia boleh pugar sendiri. Tidak boleh pugar serelung dua, seluas tapak tangan pun dia akan pugar juga.	Sb 10-13 hlm 297
	Srengenge bedebah itu ubatnya cuma satu. Kapak	Sb 17-18 hlm 297

Akhirnya, Awang Cik Teh memutuskan untuk mengusahakan Bukit Srengenge seorang diri. Kematian Imam Hamad, yang mempercayai kepercayaan karut, meninggalkan dendam dalam hati Awang Cik Teh. Bagi beliau, Bukit Srengenge bukan tuhan untuk disembah atau dijamu dengan kepercayaan jahil, sebaliknya hanyalah bukit yang menanti untuk ditarah dengan keberanian dan kegigihan.

Kesimpulan

Kepengarangan Shahnnon Ahmad dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dan *Srengenge* memaparkan perancangan keusahawanan desa yang bertujuan meningkatkan taraf ekonomi keluarga dan masyarakat setempat. Melalui perancangan yang terperinci, novel-novel ini menggambarkan Prinsip Perancangan Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013) dengan jelas. Peringkat-peringkat perancangan yang dirancang oleh watak masyarakat desa dalam novel-novel ini berjaya mempengaruhi watak-watak untuk menguruskan organisasi keluarga dan masyarakat demi mencapai objektif rancangan yang ditetapkan. Pengaplikasian prinsip ini menyerlahkan kewujudan perancangan yang bijak sebelum membuat sebarang keputusan.

Lahuma, melalui perancangannya, memilih menanam padi Malinja yang terbukti memberikan hasil lumayan bagi keluarganya selepas menimbang pelbagai pilihan tanaman padi lain. Sebagai ketua keluarga yang kekurangan sumber material, Lahuma memilih untuk mengusahakan sawahnya menggunakan tenaga manusia dan mengeneipkan traktor sewaan yang memakan kos tinggi, memandangkan tanah sawah pusaknya hanya seluas 14 relung.

Sebaliknya, Awang Cik Teh memperjuangkan usaha menarah Bukit Srengenge untuk dijadikan tapak penanaman padi huma, pisang, jagung, peria, dan ubi, dengan tujuan meningkatkan taraf hidup penduduk kampung yang bergelut dengan kemiskinan material dan rendahnya taraf hidup. Awang Cik Teh berbincang dengan isterinya, Keghesum, dan melibatkan Imam Hamad sebagai pakar rujuk sebelum membuat keputusan, berbeza dengan Lahuma yang hanya berbincang dengan isterinya, Jeha, tanpa melibatkan pihak luar.

Namun, perancangan Awang Cik Teh menghadapi tentangan besar daripada masyarakat kampung dan Imam Hamad, tidak seperti perancangan Lahuma yang lebih berjaya. Walaupun dibelenggu halangan, kepengarangan Shahnnon Ahmad berjaya menonjolkan strategi perancangan watak utama dalam kedua-dua novel, yang bertujuan untuk membebaskan diri daripada kemiskinan material, kedaifan hidup, dan kekurangan ilmu pengetahuan. Rumusannya, kepengarangan Shahnnon Ahmad telah mengangkat nilai perancangan yang diekspresikan melalui novel-novel ini dengan jayanya.

Pengakuan

Kajian ini merupakan hasil daripada penulisan PhD oleh **P20202001440 Rudy Kurniawan Usman** di bawah bimbingan **Corresponding Author, Prof. Dr. Azhar Hj. Wahid**. Kajian ini tidak menerima sebarang bentuk pembiayaan atau dana daripada mana-mana pihak.

Rujukan

- Abdul Ghani Abdullah. (2010). *Kepimpinan pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Abosedo, A. J., Obasan, L. A., & Alese, O. J. (2016). Strategic management and small and medium enterprises (SMEs) development: A review of literature. *International Review of Management and Business Research*, 5(1), 315–335.
- Abdul Halim Ali. 2006. *Ikhtisar Teori & Kritikan Sastera Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- A. Wahab Ali. (1991). *The Emergence of the Novel in Modern Malaysian and Singapore Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aizzat Mohd Nasurdin, Intan Osman & Zainal Ariffin Ahmad. (2006). *Pengantar pengurusan*. Universiti Sains Pulau Pinang: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Anastasia Tania dan Eddy M. Sutanto. (2013). *Pengaruh motivasi kerja dan kepuasan kerja terhadap komitmen organisasional*. Surabaya: Novelwan Pt. Dai Knife.
- Apandi, S. N. A. B. M., Mohd, T. I. M. B. T., Hussien, E. B. M., & Balwi, M. T. A. B. M. (2020). Pertentangan nilai akhlak Islam dalam novel Tivi menurut Al-Ghazali. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 185-209.
- Azhar Wahid. (2013). *Ingin Jadi Pujangga: Tanggapan Kritikan Sosial Kemasyarakatan*. Dlm. *Kritikan intelektualisme sastra melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azhar Hj. Wahid. (2015). *Kritikan intelektualisme sastra melayu*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Bartol, Kathryn M. & Martin, David C. (1994). *Management*. 2nd ed. U.S.A: McGraw-Hill, Inc.
- Certo, S.C. (1997). *Modern Management*. 7th ed. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Daft, R.L. (1997). *Management*. 4th Ed. Orlando: Teh Dryden Press.
- Drucker, P. F. (1985). *Innovation and Entrepreneurship*. New York: Harper & Row.
- Dimas, N., Dewi, I., Latiefa, Z., Rosanto, A., & Amin, S. (2022). Perancangan website sebagai media digital marketing untuk mendorong pemasaran UMKM. *Jurnal Bina Desa*, 3(3), 176–180. <https://doi.org/10.15294/jbd.v3i3.31328>
- de Bono, E. (1997). *de Bono's thinking course revised*. London: BBC Book.
- de Bono, E. (1973). *CoRT thinking*. Pergamon Press.
- Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Wahid (2019). Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Novel Hamka. *Jurnal Peradaban Melayu*, Jilid 14 2019 ISSN 1675-4271 (35-48).
- Gove, P.B. (1986). *Webster's third new international dictionary of Teh English anguage unabridged*. Springfield, Massachusetts: Merriam-Webster Inc.,
- Hamzah Hamdani & Zeti Aktar Jaffar (ed). (2007). *Shahnon Ahmad dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henderson, R. (2009). *Compensation management: Rewarding in a knowledge-based world*. New Jersey: Prentice Hall.
- Husnani, H. (2008). *Analisis Teori Perancangan*. (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Ismail Hamid. (1987). *Sastra Melayu Tradisional dan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar Muhamad. (2003). *Asas pengurusan edisi ketiga*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Jali, M. N., Abas, Z., & Ariffin, A. S. (2017). Social innovation in the context of strategic knowledge management processes for supply chain performance enhancement. *International Journal of Supply Chain Management*, 6(2), 209–214.
- Motif keusahawanan dalam kalangan usahawan Melayu, Negeri Kedah (*Motives of entrepreneurship among Malay entrepreneurs Kedah State*). (2014, Jun). *Jurnal Ilmiah STTS*, 17, 177–180
- Kuratko, D. F., & Hodgetts, R. M. (2004). *Entrepreneurship: Theory, Process, Practice*. Mason, OH: South-Western.
- Lim Teck Ghee. (1977). *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874–1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mana Sikana. 2005. *Teori Sastra Kontemporari*. Bangi. Penerbitan Putaka Novel.
- Mana Sikana. (2005). *Teori & kritikan sastra Malaysia & Singapura*. Singapura : Penerbit Pustaka Novel.
- Mana Sikana. (2015). *Sasterawan negara di takhta keunggulan*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Milkovich et al. (2014). *Compensation*. New York: McGraw Hill/Irwin.

- Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). *Prinsip Perancangan*.
- Mohd Zuber Ismail, dan Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2016). Dimensi perancangan dalam Hikayat Mintzberg, H. (1994). *The Rise and Fall of Strategic Planning*. New York: Free Press.
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2013). Pendekatan pengurusan: Satu metode dalam kritikan sastera. *Himpunan Ilmuan Sastera Melayu Malaysia Kedua Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Tanjong Malim, Perak.
- Mohd Yusof Hasan & Siti Khariah Mohd Zubir. (2013). *Ikon kesusasteraan 11 pemikiran global sasterawan negara Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Hassan. (2015). Kepimpinan dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda dari perspektif Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26, 95-116.
- Mohd Hizam Hahafiah dan Zafir Mohd Makhbul. (2003). *Pengurusan Organisasi*. Edisi Kedua. Malaysia: Mc Graw Hill Sdn Bhd.
- Mohd Syahrir Rahim dll. (2019). *Asas Keusahawanan: Ke Arah Pengukuhan Minda dan Kemahiran Keusahawanan*. Perlis: UUM Press.
- Mohd. Yusof Hasan. (1994). *Pemikiran saintifik (SP4L)*. Sintok: Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd. Yusof Hasan. (2000). *Pemikiran saintifik SPB4L*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohd Yusuf Hassan. 2001. *Sistem Pemikiran Bersepadu 4L*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.
- Mohd. Yusof Hasan, Mohamad Azmi Ab. Rahman, Ghazali Hamid & Syd. Abdul Rahman Syd. Zin. (2001). *Pengantar pemikiran*. Sintok: Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE), Universiti Utara Malaysia.
- Malim Dewa: Kajian Pendekatan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Melayu*, 27, 25-44.
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden dan Mohamad Mokhtar Hassan. (2016). Prinsip perancangan: Penelitian berdasarkan cerita-cerita rakyat. *Prosiding International Conference in Commemoration of Teh 50th Anniversary of Teh Department of Malay-Indonesian Studies, Hankuk University of Foreign Studies*, Seoul Korea.
- Mohamad Zubir Ismail & Mohamad Mokhtar Hassan. (2017). Prinsip Perancangan Dalam Hikayat Awang Sulung Merah Muda. Dlm *Journal of Business and Social Development*, Volume 5 Number 1, March 2017: 123-139.
- Mohamad Zuber Ismail. (2017). *Cerita lipur lara terpilih berdasarkan Pendekatan pengurusan*. (Tesis Sarjana Kean tidak diterbitkan). Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Newton, R. (2017). *Buku pengurusan*. (Suziana Abd. Aziz, Penterjemah). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia. (1964).
- Norsaliza Mohd Shuhtemu . (2021). *Pengurusan intelek kanak-kanak berdasarkan prinsip Kepimpinan dalam animasi Upin dan Ipin*. (Tesis Sarjana Kean). Universiti Pendidikan Sultan Idris: Perak.
- Putri, A. D., Permatasari, B., & Suwarni, E. (2020). Strategi desain kemasan sebagai upaya peningkatan daya jual produk UMKM Kelurahan Labuhan Dalam Bandarlampung. *Jurnal Pengabdian dan Pemberdayaan Masyarakat*, 3(2), 229–235. <https://doi.org/10.30595/jppm.v3i2.4317>
- Robbins, Stephen P. & Coutler, Mary. (2005). *Management*. 8th Ed. New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Shahnon Ahmad. (1968). *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

- Shahnon Ahmad. (1973). *Srengenge*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Shahnon Ahmad. (1991). *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (2006). *Ranjau sepanjang jalan*. Selangor: Alaf Dua Puluh Satu Sendirian Berhad.
- Shahnon Ahmad. (2016). *Srengenge*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul A. B. (1996). *From British to Bumiputera Rule: Local Politics and Rural Development in Peninsular Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Sabri Hussin, Raida Abu Bakar, Mohd. Radzuan B. Rahid & Ruhana Busu. (2004). *Pengurusan*. Singapore: Thomson.
- Siti Hajar Che Man, 2007. *Esei-Esei Kritikan Feminis Dalam Kesusasteraan Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Talib Samad. (2002). *Novel terpilih sasterawan negara dalam esei dan kritikan*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tuah, D. (2021). Citra sosiobudaya membentuk identiti kepengarangan penulis bumi kenyalang: satu sorotan [sociocultural image creating Teh authorship identity of Sarawak authors: A review]. *Al-Qiyam International Social Science And Humanities Journal*, 4(2), 1-14.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1998). *Modern Malay Literary Culture: A Historical Perspective*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Wan Azmi Ramli. (2001). *Pengurusan terkini terunggul dan paling laris dalam era IT*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn.Bhd.
- Zainal, B. (1981). *Wajah:(biografi seratus penulis)*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Malaysia.